

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : [s.l]
Tarikh : 13 JANUARI 2002
Tajuk : EMINAR BELIA DAN GLOBALISASI: MENILAI RANJAU DAN PROSPEK ANJURAN BIRO LATIHAN MAYC KEBANGSAAN JABATAN BELIA DAN SUKA PERLIS

SAUDARI-SAUDARI SEKELIAN,

BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATAALA KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA KITA DAPAT BERSAMA-SAMA BERKUMPUL DI SEMINAR YANG SAYA PERCAYA AKAN MEMBERI MANFAAT KEPADA BELIA NEGARA INI.

2. SAYA JUGA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA JABATAN BELIA DAN SUKAN PERLIS KERANA SUDI MENGUNDANG SAYA UNTUK MENYAMPAIKAN UCAPTAMA DAN SETERUSNYA MERASMIKAN SEMINAR INI YANG BERTAJUK "BELIA DAN GLOBALISASI: MENILAI RANJAU DAN PROSPEK".

3. BELIA MERUPAKAN GOLONGAN YANG PALING AKTIF DALAM MASYARAKAT. STATISTIK MENUNJUKKAN BAHAWA GOLONGAN DI BAWAH UMUR 35 TAHUN INI ADALAH HAMPIR LEBIH DARI SEPARUH DARIPADA JUMLAH PENDUDUK NEGARA KITA.

4. BELIA MERUPAKAN ASAS SEBENAR ATAU TULANG BELAKANG KEPADA KEUTUHAN DAN KEKUATAN SESUATU BANGSA DAN NEGARA. SEJAK DARI ZAMAN KEMERDEKAAN LAGI, GOLONGAN BELIA TELAH TURUT SAMA BERPERANAN DAN MENYUMBANG KEPADA PROSES PEMBINAAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA. SUMBANGAN INI MELIPUTI SEGALA ASPEK BAIK DARI SEGI POLITIK, EKONOMI, SOCIAL, BUDAYA ATAU PENDIDIKAN.

5. HARI INI SEMAKIN JELAS KEPADA KITA BAHAWA BELIA MERUPAKAN SEBAHAGIAN BESAR PENDUDUK DI NEGARA INI, DAN TENAGA BELIA MENJADI SUMBER YANG PENTNG BAGI PEMBANGUNAN NEGARA. OLEH KERANA INILAH MAKA KITA SERING MENDENGAR SLOGAN SEPERTI "BELIA HARAPAN BANGSA", "BELIA TUNGGAK NEGARA", "BELIA HARI INI PEMIMPIN HARI ESOK", "BELIA ERAT NEGARA AMAN", "BELIA BERSATU NEGARA MAJU" DAN LAIN-LAIN LAGI.

6. KERAJAAN SENTIASA MEMAHAMI BETAPA PENTNGNYA GOLONGAN BELIA DIBERI PENIKTIRAFAN YANG SEWAJARNYA DAN DIBERI PELUANG UNTUK MENYERTAI SECARA LANGSUNG DALAM MENYELESAIKAN ISU-ISU YANG PENTING YANG DIHADAPI OLEH NEGARA.

GLOBALISASI

7. PERANG DINGIN (COLD WAR) DI ANTARA AMERIKA SYARIKAT DAN SOVIET UNION TELAH BERAKHIR SEPULUH TAHUN DAHULU. DENGAN KEJATUHAN SOVIET UNION, AMERIKA SYARIKAT KINI MERUPAKAN KUASA TERTINGGI DI DUNIA. WALAUPUN PERANG DINGIN TIDAK LAGI UJUD, NAMUN SATU PERTEMBUNGAN BARU KINI TELAH LAHIR TETAPI BUKAN PERTEMBUNGAN DI ANTARA NEGARA TETAPI DI ANTARA INSITITUSI DAN SYARIKAT MULTINASIONAL. PERTEMBUNGAN INI DIPANGGIL GLOBALISASI.

8. SESETENGAH PIHAK TELAH MELEMPARKAN TANGGAPAN BAHAWA MALAYSIA MENENTANG GLOBALISASI. INI ADALAH TIDAK BENAR SAMA SEKALI. MALAYSIA TIDAK MENENTANG GLOBALISASI. CUMA KERANA SIKAP YANG DIAMBIL OLEH MALAYSIA DALAM ISU SPEKULASI MATAWANG DAN SIKAP MALAYSIA YANG MENENTANG PENYANGK MATAWANG DALAM KRISIS KEWANGAN YANG MELANDA ASIA PENGHUJUNG ABAD LALU, MALAYSIA TELAH DILETAKKAN KE DALAM KUMPULAN YANG DIANGGAP MENENTANG GLOBALISASI.

9. MALAYSIA SEBENARNYA MENYOKONG GLOBALISASI SEPERTIMANA YANG DITAKRIF OLEH NEGARA-NEGARA KAYA IAITU PELABURAN DARI NEGARA MAJU KE NEGARA MEMBANGUN TANPA SEKATAN. MALAYSIA CUMA MENENTANG CUBAAN MEMBAWA GLOBALISASI KE SATU TAHAP YANG BOLEH MENGHAKIS KEBEBASAN SESEBUAH NEGARA BERDAULAT UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN SENDIRI DALAM MELAKSANAKAN AGENDA NEGARA. MALAYSIA INGIN MELIHAT PERDAGANGAN SAKSAMA DAN BUKANNYA KEBEBASAN PERDAGANGAN TANPA BATAS.

10. TAKRIF GLOBALISASI MENURUT NEGARA KAYA DAN MAJU AKAN MENGAKIBATKAN SYARIKAT TEMPATAN DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN JATUH MUFLIS KERANA SYARIKAT TEMPATAN TERSEBUT SEMEMANGNYA TIDAK MAMPU BERSAING DENGAN SYARIKAT ASING YANG MEMPUNYAI MODAL YANG LEBIH BESAR. SYARIKAT-SYARIKAT ASING TERSEBUT BOLEH SECARA TIBA-TIBA MENARIK KELUAR PELABURAN MEREKA TANPA MEMIKIRKAN SAMA ADA TINDAKAN MEREKA ITU AKAN MERUNTUHKAN EKONOMI SESEBUAH NEGARA DAN MENYEBABKAN BERJUTA-JUTA PEKERJA HILANG PEKERJAAN.

11. MALAYSIA MEMPERJUANGKAN "GLOBALISASI PRODUKTIF" ATAU PROSES GLOBALISASI YANG LEBIH ADIL DAN SEIMBANG YANG MEMBERI MANFAAT KEPADA SEMUA KOMUNITY GLOBAL, BAIK NEGARA KAYA MAHUPUN NEGARA MISKIN. GLOBALISASI BUKAN SAHAJA MESTI MENGAMBIL KIRA KEPERLUAN NEGARA MEMBANGUN, TETAPI MESTILAH JUGA TIDAK MENGGUGAT KEDAULATAN MENENTUKAN DASAR DALAMAN YANG MERUPAKAN HAK SESEBUAH NEGARA.

12. SEMUA PIHAK MENYEDARI BAHAWA NEGARA-NEGARA KAYA DAN MAJU MEMPUNYAI AGENDA TERSENDIRI DI SEBALIK DESAKAN MEREKA UNTUK MEMULAKAN PUSINGAN BARU RUNDINGAN WTO DAN MENJADIKAN GLOBALISASI

LEBIH BERKESAN. JUSTERU ITU, NEGARA MEBANGUN BERHADAPAN DENGAN CABARAN BESAR UNTUK MENPERJUANGKAN PROSES GLOBALISASI YANG LEBIH ADIL DAN SEIMBANG.

13. GLOBALISASI MESTI DILAKSANAKAN SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT BAGI MEMBOLEHKAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MENINGKATKAN KEDUDUKAN MEREKA AGAR MAMPU BERSAING. NEGARA-NEGARA YANG KAYA PERLU MEMBERI BANTUAN KEPADA NEGARA-NEGARA YANG MISKIN.

14. KITA TELAH MELIHAT BAGAIMANA BEBERAPA NEGARA MAJU TELAH MENCUBA MEMPERKENALKAN ISU-ISU BARU UNTUK DIMASUKKAN SEBAGAI AGENDA RUNDINGAN PERTUBUHAN PERDAGANGAN SEDUNIA (WTO) YANG BERLANGSUNG DI DOHA, QATAR BARU-BARU INI. ANTARA ISU-ISU BARU YANG INGIN DIPERKENALKAN IALAH PERSAINGAN, PELABURAN DAN KETELUSAN DI DALAM PEROLEHAN KERAJAAN. DI DALAM ISU PEROLEHAN KERAJAAN, MISALNYA, SESEBUAH KERAJAAN DIPERLUKAN MEMBERI PELUANG YANG SAMA KEPADA SEMUA SYARIKAT, TIDAK KIRA SAMA ADA SYARIKAT TEMPATAN ATAU ASING, DALAM PEMBERIAN KONTRAK KERAJAAN. JIKA INI DIPERKENALKAN, HASRAT KERAJAAN KITA UNTUK MENERUSKAN BANTUAN KEPADA GOLONGAN YANG MEMERLUKAN SOKONGAN KERAJAAN AKAN TERHALANG. OLEH YANG DEMIKIAN, MALAYSIA TELAH MENOLAK CUBAAN MEMASUKKAN ISU-ISU BARU INI.

15. MEMANDANGKAN BETAPA BANYAKNYA ONAK DAN RANJAU YANG UJUD DALAM ERA DAN ARUS GLOBALISASI INI, MAKA ADALAH PENTING BAGI RAKYAT MALAYSIA, TERMASUK GOLONGAN BELIA UNTUK MEMILIKI DAYA SAING YANG TINGGI UNTUK BERSEDIA MENGHADAPI DAN MENANGANI SEGALA BENTUK CABARAN GLOBALISASI. KEGAGALAN MEMPERTINGKATKAN DAYA SAING AKAN HANYA MENYEBABKAN RAKYAT MALAYSIA DIHANYUTKAN OLEH ERA DAN ARUS GLOBALISASI.

16. PERSEDIAAN INI BUKAN SAHAJA SEBAGAI BENTENG BERSAING DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT GERGASI DUNIA, TETAPI JUGA UNTUK MEREbut PELUANG DI PASARAN ANTARABANGSA YANG TERBUKA DENGAN LEBIH LUAS LAGI DI MASA YANG TERDEKAT INI.

17. SEBAGAI CONTOH, DI ANTARA PERKEMBANGAN GLOBALISASI YANG AKAN MEMBERI CABARAN DAN PELUANG GLOBALISASI KEPADA NEGARA DALAM MASA TERDEKAT INI IALAH PERLAKSANAAN SEPENUHNYA PERJANJIAN KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS ASEAN (AFTA).

18. AFTA MERUPAKAN SATU PERJANJIAN YANG TELAH DITANDATANGANI NEGAR-ANEGARA ANGGOTA ASEAN PADA TAHUN 1992. IANYA BERTUJUAN UNTUK MEWUJUDKAN SATU PASARAN INTEGRASI BAGI ASEAN YANG MEMPUNYAI PENDUDUK LEBIH DARI 500 JUTA. AFTA JUGA BERTUJUAN UNTUK MELETAKKAN ASEAN SEBAGAI SATU KAWASAN YANG BERDAYA SAING TINGGI DAN MENARIK UNTUK PELABURAN LANGSUNG ASING.

19. PERLAKSANAAN SEPENUHNYA AFTA PADA TAHUN 2002 AKAN MENINGKATKAN PERSAINGAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA SERANTAU, APABILA SETIAP NEGARA AKAN BERUSAHA MENJADI LEBIH KOMPETITIF BAGI MENARIK PELABURAN LANGSUNG ASING. DI SAMPING ITU, USAHA KERAJAAN UNTUK MEMBERIKAN BANTUAN KEPADA RAKYAT NEGARA MASING-MASING MENJADI SEMAKIN TERHAD. SUBSIDI DALAM BENTUK SUMBANGAN KEWANGAN DI MANA KERAJAAN MEMINDAHKAN DANA, MELEPASKAN PENDAPATAN YANG SEPATUTNYA DIPEROLEHI, MENYEDIAKAN BARANGAN DAN PERKHIDMATAN SELAIN DARI INFRASTRUKTUR DAN MEMBUAT PEMBAYARAN MELALUI SATU MEKANISME PEMBAYARAN TIDAK AKAN DIBENARKAN LAGI.

20. DALAM KONTEKS NEGARA KITA PULA, KERAJAAN TIDAK AKAN LAGI DIBENARKAN UNTUK MENYALURKAN BANTUAN MELALUI SKIM-SKIM KHAAS TANPA JUSTIFIKASI YANG DIBENARKAN DI BAWAH AFTA. SELAIN DARIPADA ITU, TARIFF 10 BUAH NEGARA ASEAN DI BAWAH AFTA AKAN DIKURANG KEPADA 0 – 5 PERATUS MENJELANG 2002/2003. PENURUNAN TARIFF INI AKAN MENJADIKAN BARANGAN BUATAN NEGARA-NEGARA JIRAN DI MANA KOS PENGELUARANNYA LEBIH RENDAH MENJADI LEBIH MURAH.

21. RAKYAT MALAYSIA SAMA ADA SEDAR ATAU TIDAK SEBENARNYA SEDANG MENGHARUNGI ARUS GLOBALISASI INI. ARUS INI AKAN TERUS MENCORAKKAN STRUKTUR EKONOMI DAN SOCIAL RAKYAT MALAYSIA DI MASA HADAPAN. OLEH YANG DEMIKIAN, GOLONGAN BELIA PERLU MENJADI LEBIH PRIHATIN DAN PEKA KEPADA CABARAN ARUS GLOBALISASI INI. DENGAN BERBEKALKAN SEMANGAT DAN SIKAP YANG POSITIF, INSYA-ALLAH GOLONGAN BELIA SUDAH PASTI AKAN BERJAYA DALAM MENGHADAPI CABARAN DAN MEREbut PELUANG YANG DIHIDANGKAN OLEH GLOBALISASI.

22. JUSTERU ITU, KERAJAAN SENTIASA MEMBERI PANDANGAN YANG BERAT TERHADAP KEGIATAN-KEGIATAN BELIA SERTA PERKEMBANGANNYA. BELIA YANG BERDISIPLIN AKAN LEBIH MUDAH DILATIH, DAN AKAN LEBIH TINGGI LAGI NILAI SUMBANGAN YANG BOLEH DIBERI OLEH MEREKA KEPADA NEGARA.

23. USAHA-USAHA TERUS DITUMPUKAN OLEH KERAJAAN KEPADA PENINGKATAN KEUPAYAAN DAN KECEKAPAN BELIA. INI AMAT PERLU MEMANDANGKAN CABARAN MASA HADAPAN YANG AKAN DITEMPUH OLEH GOLONGAN BELIA ADALAH LEBIH HEBAT DAN CANGGIH YANG MEMERLUKAN SATU PERSIAPAN DAN PERSEDIAAN DIRI YANG HEBAT. NEGARA KITA SUDAH PASTI AKAN TERDEDAH KEPADA PELBAGAI PENGARUH DAN TEKANAN DARI DALAM DAN LUAR YANG BOLEH MENENTUKAN MAJU MUNDURNYA PROSES PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN NEGARA.

24. DENGAN ADANYA PENYERTAAN BELIA YANG GIGIH DAN DEDIKASI, INSYAALLAH, USAHA KERAJAAN UNTUK MEMBANGUNKAN GOLONGAN BELIA SERTA MENGATASI MASALAH-MASALAHNYA AKAN MENJADI LEBIH MUDAH DAN BERKESAN.

25. TENAGA BELIA ADALAH SALAH SATU SUMBER YANG PENTING BAGI PEMBANGUNAN NEGARA. OLEH HAL YANG DEMIKIAN, PEMBINAAN BELIA SECARA SISTEMATIK DI NEGARA INI SANGATLAH PENTING BAGI MEMPEROLEHI HASIL YANG MAKSIMA UNTUK PEMBANGUNAN NEGARA. PEMBINAAN BELIA PERLU BERASASKAN PRINSIP YANG KUKUH.

26. SIFAT-SIFAT KEPEMIMPINAN YANG MATANG SERTA MAMPU MENGGALAKKAN PENYERTAAN YANG AKTIF DARIPADA AHLI PERSATUAN BELIAU MERUPAKAN ASSET YANG PERLU DMILIK OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN BELIA DALAM USAHA PEMBANGUNAN NEGARA. BELIA-BELIA HENDAKLAH SENTIASA MENGAMALKAN PRINSIP-PRINSIP RUKUNEGARA SUPAYA NEGARA DAPAT MEMBANGUN DALAM SAUSANA YANG HARMONI.

27. BELIA-BELIA JUGA HENDAKLAH SENTIASA BERUSAHA MENINGGIKAN TARAF KEILMUAN SUPAYA DENGAN ILMU PENGETAHUAN YANG CUKUP AKAN DAPAT MENYUMBANGKAN TENAGA YANG LEBIH BERKESAN KEPADA PERGERAKAN BELIA TANAHAIR DAN SETERUSNYA ANTARABANGSA.

28. MEMANDANGKAN BAHAWA MAJU MUNDURNYA SESEBUAH NEGARA BERGANTUNG KEPADA SYSTEM NILAIAN YANG DIAMALKAN, BELIA HENDAKLAH MENENTUKAN BAHAWA NILAI-NILAI YANG BAIK SEPERTI KERAJINAN, DISIPLIN, KEIKHLASAN, KEJUJURAN DAN KEBERSIHAN MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA NILAI-NILAI YANG MENGERAKKAN MEREKA.

29. PARA BELIA TIDAK HARUS BERPUAS HATI DENGAN PENCAPAIAN SETAKAT INI KERANA BELIA SERTA NEGARA MASIH LAGI MENGHADAPI BERMACAM-MACAM MASALAH.

30. TINDAKAN YANG POSITIF MESTILAH DIAMBIL OLEH PERSATUAN-PERSATUAN BELIA DENGAN MEMPELBAGAIKAN KEGIATAN PERSATUAN SUAPAYA MINAT KEPADA PERSATUAN SERTA AKTIVITINYA DAPAT MENGHINDARKAN GOLONGAN BELIA DARIPADA TERCEBUT DENGAN GEJALA SOSIAL YANG TIDAK SIHAT. DALAM USAHA KITA UNTUK TERUS MEMAJUKAN NEGARA, GOLONGAN BELIA HENDAKLAH SENTIASA BERFIKIR DAN MENGANGGAP DIRINYA SEBAGAI "MALAYSIAN". KITA MESTILAH LEBIH MEMENTINGKAN NEGARA MALAYSIA SECARA KESELURUHANNYA. DALAM HAL INI, PROGRAM-PROGRAM BELIAU PERLU MENGAITKAN ASPEK PEMBINAAN IDENTITI MALAYSIA SECARA MENYELURUH SUPAYA PERKEMBANGAN YANG SIHAT DAN MURNI INI TIDAK AKAN DIPENGARUHI OLEH APA-APA UNSUR YANG NEGATIF.

31. GOLONGAN BELIA HENDAKLAH SENTIASA MEMPERBAIKI STRATEGI DAN LANGKAH MEREKA SERTA MENINGKATKAN PENGLIBATAN MEREKA DALAM USAHA UNTUK MENWUJUDKAN SEBUAH MASYARAKAT DAN NEGARA YANG LEBIH KUKUH DAN MAKMUR. UNTUK MENCAPAI MATLAMAT INI, APA YANG PERLU DITITIKBERATKAN DI KALANGAN GOLONGAN BELIA IALAH PENEKANAN NILAI-NILAI SEJAGAT ATAU NILAI-NILAI BERSAMA SEPERTI HORMAT-MENGHORMATI, CINTAKAN

TANAH AIR, INGINKAN PERSAHABATAN DAN KEAMANAN. INI MEMERLUKAN PENGLIBATAN, KEAZAMAN DAN PENGORBANAN YANG TINGGI DARIPADA SEMUA BELIA DI NEGARA INI.

32. TANPA ILMU PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN YANG DIPERLUKAN ADALAH AGAK SUKAR BAGI BELIA UNTUK MENGHARUNGI KESULITAN KEHIDUPAN MASA DEPAN APATAH LAGI HENDAK MEMAJUKAN NEGARA. INI BOLEH MENJEJASKAN KESINAMBUNGAN USAHA-USAHA PEMBANGUNAN YANG HENDAK DICAPAI SELARAS DENGAN MATLAMAT MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA MAJU.

33. SIKAP LAMA GOLONGAN BELIA HARUS DITUKAR ATAU DISESUAIKAN MENGIKUT KEPERLUAN ZAMAN. MEREKA TIDAK BOLEH LAGI BERGANTUNG SEMATA-MATA KEPADA ORANG LAIN SEPERTI KERAJAAN UNTUK MENDAPATKAN SESUATU.

34. GOLONGAN BELIA HARUS MEMPUNYAI SIKAP BERDIKARI DALAM SEGALA USAHA. MEREKA HARUS MEMPUNYAI MATLAMAT HIDUP YANG JELAS, CITA-CITA TINGGI UNTUK MAJU, DISIPLIN DIRI DAN BERANI MENGHADAPI PERUBAHAN KEARAH KEBAIKAN. SIKAP-SIKAP YANG NEGATIF SEPERTI TAKUT MENGHADAPI RISIKO, TIDAK TOLERAN, KURANG MINAT TERHADAP SESUATU YANG BOLEH MENDATANGKAN FAEDAH, TIDAK SUKA BEKERJASAMA DAN MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI HENDAKLAH DIKIKS DAN DIBUANGKAN.

35. GOLONGAN BELIA PERLU MENINGKATKAN ILMU PENGETAHUAN MASING-MASING. DALAM ERA LEDAKAN HEBAT INFORMASI MASAKINI GOLONGAN BELIA TIDAK DAPAT TIDAK PERLU MENGIKUTI PELBAGAI PERKEMBANGAN MAKLUMAT DAN ILMU YANG BERLAKU DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN MEREKA. KEMAJUAN PESAT YANG BERLAKU DALAM BERBAGAI-BAGAI BIDANG SEPERTI INDUSTRI PEMBUATAN, PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN, PENDIDIKAN MODEN, KOMPUTER, KOMUNIKASI, PENGANGKUTAN, SENI BINA DAN SAINS DAN TEKNOLOGI, TIDAK BOLEH DIPANDANG SEPI OLEH PARA BELIA. ILMU-ILMU DALAM PELBAGAI BIDANG INI HARUS DICARI DAN DIPELAJARI OLEH BELIA-BELIAU NEGARA. GOLONGAN BELIA HARUS SEDAR TANPA ILMU YANG TINGGI MEREKA TIDAK AKAN DAPAT KE MANA ATAU MEMBAWA NEGARA KE MERCU KEJAYAAN PADA MASA DEPAN.

36. GOLONGAN BELIA PERLU MEMENINGKATKAN ILMU PENGETAHUAN MASING-MASING. DALAM ERA LEDAKAN HEBAT INFORMASI MASAKINI GOLONGAN BELIA TIDAK DAPAT TIDAK PERLU MENGIKUTI PELBAGAI PERKEMBANGAN MAKLUMAT DAN ILMU YANG BERLAKU DALAM BERBAGAI-BAGAI BIDANG SEPERTI INDUSTRI PEMBUATAN, PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN, PENDIDIKAN MODEN, KOMPUTER, KOMUNIKASI, PENGANGKUTAN, SENI BINA DAN SAINS DAN TEKNOLOGI, TIDAK BOLEH DIPANDANG SEPI OLEH PARA BELIA. ILMU-ILMU DALAM PELBAGAI BIDANG INI HARUS DICARI DAN DIPELAJARI OLEH BELIA-BELIA NEGARA. GOLONGAN BELIA HARUS SEDAR TANPA ILMU YANG TINGGI MEREKA TIDAK AKAN DAPAT KE MANA ATAU MEMBAWA NEGARA KE MERCU KEJAYAAN PADA MASA DEPAN.

37. GOLONGAN BELIA PERLU MENAMBAHKAN KEMAHIRAN MEREKA. KEMAHIRAN ATAU KEPAKARAN INI MESTI DIMILIKI OLEH GOLONGAN BELIA DI SEGENAP LAPANGAN USAHA DAN KEGIATAN. TANPA KEMAHIRAN INI GOLONGAN BELIA TIDAK AKAN DAPAT MENJALANKAN ATAU MENGENDALIKAN APA-APA TUGAS YANG MEMERLUKAN KECEKPAAN, KEPANDAIAAN DAN KEPAKARAN MEREKA.

38. GOLONGAN BELIA NEGARA GENERASI MASAKINI MERUPAKAN GOLONGAN YANG AKAN MENENTUKAN HALA TUJU PEMBANGUNAN DAN CORAK KEPIMPINAN NEGARA MASA AKAN DATANG.

39. DI SAMPING ILMU PENGETAHUAN, SIKAP DAN KEMAHIRAN YANG DIPERLUKAN, GOLONGAN BELIA HARUS JUGA MEMPUNYAI SIKAP DAN NILAI YANG POSITIF SEPERTI TOLERAN, SANGGUP BERTOLAK ANSUR, RELA BERKORBAN, TAAT SETIA DAN CINTA KEPADA NEGARA.

40. NILAI-NILAI INI BOLEH DISEMAI DAN DITERAPKAN KEPADA GOLONGAN BELIA OLEH PERSATUAN-PERSATUAN BELIA MELALUI PROGRAM-PROGRAM MEMBINA DIRI DAN SEMANGAT. INI BOLEH DICAPAI MELALUI LATIHAN SAMBIL BEKERJA, LAWATAN SAMBIL BELAJAR, KURSUS DAN BENGKEL, CERAMAH, SEMINAR DAN SEBAGAINYA. PERANAN INI HARUS DAN BOLEH DIMAINKAN OLEH PERSATUAN-PERSATUAN BELIA DALAM MELENGKAPKAN ANGGOTA-ANGGOTA MEREKA UNTUK MENJADI PENGGERAK NEGARA KINI DAN DI MASA HADAPAN. KERAJAAN AKAN SENTIASA MEMBERI GALAKAN KEPADA BELIA-BELIA UNTUK BERGERAK CERGAS DALAM PERSATUAN-PERSATUAN BELIA.

41. KERAJAAN TIDAK PERNAH LUPA DAN MENGALU-ALUKAN SEBARANG BENTUK SUMBANGAN YANG DIBERIKAN OLEH GOLONGAN BELIA KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT. MELALUI PERSATUAN-PERSATUAN BELIA DAN BADAN-BADAN KEBAJIKAN, SECARA LANGSUNG DAN TIDAK LANGSUNG, BELIA TELAH BERJAYA MEMBANTU KERAJAAN DALAM BERBAGAI BIDANG PEMBANGUNAN. DI SAMPING ITU MELALUI AKTIVITI SUKAN, BELIA BUKAN SAHAJA MEMELIHARA KESIHATAN BADAN TETAPI KEJAYAAN MEREKA DALAM BERBAGAI PERTANDINGAN TELAH MENINGKATKAN IMEJ NEGARA.

42. SATU GEJALA YANG TIDAK SIHAT DAN AMAT MALANG YANG KINI MELANDA GOLONGAN BELIA IALAH SIKAP SUKA MENGAGUNG-AGUNGKAN BUDAYA DAN NILAI HIDUP SECARA BARAT, TANPA MENGIRA SAMA ADA NILAI-NILAI ITU BAIK ATAUPUN BOLEH MEMBERI KESAN BURUK KEPADA KITA. BUDAYA "BLACK METAL", PENAGIHAN DADAH DAN KEGIATAN TIDAK BERMORAL TELAH MENINGKAT DAN MENJADI AMALAM SESETENGAH BELIA KITA. BELIA-BELIA SEPERTI INI TIDAK AKAN MENOLONG MENJAYAKAN GENERASI BARU YANG BAKAL MEMIMPIN NEGARA.

43. NILAI-NILAI HIDUP BELIA YANG KURANG SIHAT INI HENDAKLAH DIBANTERAS SUPAYA IA TIDAK AKAN MENGGUGAT KEUTUHAN WARISAN BUDAYA KITA. NEGARA INGIN MELAHIRKAN SATU MASYARAKAT YANG BERMORAL, BERETIKA DAN BEBAS DARIPADA SEBARANG PENGARUH SEPERTI KEHIDUPAN YANG TERLALU BEBAS

SEHINGGA APA SAHAJA SANGGUP DILAKUKAN TANPA MENGAMBILKIRA KESAN BAIK ATAU BURUK.

44. KITA HARUS SENTIASA SEDAR DAN MENGINSAFI BAHAWA MATLAMAT AKHIR NEGARA IALAH UNTUK MENCAPAI KESTABILAN POLITIK, PERPADUAN KAUM DAN KEAMANAN HIDUP RAKYAT YANG BERKEKALAN. KITA INGIN MELIHAT MASYARAKAT DAN NEGARA KITA MENJADI LEBIH MAJU, MATANG, PROGRESIF, BERTEKNOLOGI TINGGI DAN SAINTIFIK SERTA DIHORMATI DAN DISANJUNG OLEH NEGARA-NEGARA LAIN.

45. BELIA MERUPAKAN GOLONGAN PELAPIS YANG MENYAKINKAN, BERGANTUNG KEPADA DISIPLIN. TANPA DISIPLIN, TENAGA BELIA TIDAK DAPAT DIPADUKAN. TENAGA YANG TIDAK DAPAT DIPADUKAN TIDAK MUNGKIN MENGERAKKAN NEGARA KE ARAH KEMAJUAN.

46. MEMANDANGKAN KEPADA HAKIKAT INILAH MAKA KERAJAAN SENTIASA MEMBERI PERHATIAN DAN PENEKANAN KEPADA ASPIRASI GOLONGAN BELIA, DAN TERUS BERUSAHA MELENGKAPKAN MEREKA DENGAN SEGALA PENGETAHUAN DAN KECEKAPAN YANG DIPERLUKAN OLEH MEREKA. INSYA-ALLAH, APABILA SAMPAI GILIRAN BAGI BELIA MENGAMBIL ALIH TEMPAT ORANG DEWASA, NEGARA TIDAK PERLU KHUATIR KERANA MEREKA LAYAK DAN MAMPU MEMBANGUNKAN NEGARA DENGAN LEBIH PESAT LAGI.